



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

10 Ramadhan 1441 / 04 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Isnin, 10 Ramadhan 1441H bersamaan 04 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang.**
2. Sementara itu, **dua kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 130 orang.** Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada **7 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini juga, seramai **24 orang** masih menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,551 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 214 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 14,476 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **tidak ada kes** yang sedemikian disahkan pada hari ini, manakala **1 kes telah dibenarkan pulang**. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai **22 orang** di mana **1 orang masih** menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Semoga Allah Subhanahu
WaTa'Ala merahmati kita semua di bulan Ramadhan yang mulia ini
dan segala amalan kita di terima serta memohon supaya ke lapan-
lapan pesakit yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan cepat
dikurniakan kesembuhan sepenuhnya. Aamiin Ya Rabbal Alamiin**

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 10 Ramadhan 1441H / 04 Mei 2020